

## Komentar 3

### Mengkomenkan Kezaliman Parti Komunis China

#### Pendahuluan

Ketika bercakap tentang kezaliman, orang China akan selalu menghubungkannya dengan Qin Shi Huang (259-210 Sebelum Masihi), maharaja pertama Dinasti Qin, yang memerintah dengan kuku besi, membakar buku-buku falsafah dan menanam hidup-hidup sarjana-sarjana Confucious. Polisi Qin Shi Huang iaitu “mendukung pemerintahannya dengan seluruh sumber daya bumi yang ada di bawah langit” [1] dikenakan secara sangat keras kepada rakyatnya. Polisi kezaliman ini meliputi empat aspek utama iaitu beban cukai yang tinggi, memeras tenaga rakyat untuk projek raksasa yang mengagung-agungkan dirinya, melakukan penyeksaan kejam, menjatuhkan hukuman yang kejam sehingga melibatkan anggota keluarga dan jiran, dan mengawal fikiran rakyat dengan menghalang segala bentuk kebebasan berfikir dan menyuarakan pendapat, membakar buku-buku dan bahkan menanam hidup-hidup golongan intelektual. Di masa pemerintahan Qin Shi Huang, China memiliki populasi sebesar 10 juta, lebih kurang 2 juta daripadanya diantar ke kerja paksa, atau bersamaan dengan 1/3 daripada jumlah penduduk yang dewasa. Qin Shi Huang juga membunuh golongan intelektual, melarang kebebasan berfikir dalam skala besar. Semasa pemerintahannya, ribuan sarjana-sarjana Confucious dan pegawai yang mengkritik pemerintahannya mati dibunuh.

Dibandingkan dengan Dinasti Qin, kekejaman dan kezaliman yang dilakukan Parti Komunis China (PKC) bahkan melebihi ribuan lipat ganda. Seperti yang diketahui umum, PKC menganut falsafah pertarungan. Kekuasaan komunis dibangunkan daripada serangan “pertarungan kelas”, “pertarungan jalur politik”, “pertarungan idoologi” dari dalam maupun di luar parti. Mao Zedong sendiri pun pernah berterus terang, “Qin Shi Huang itu kira apa? Dia telah menguburkan hidup-hidup 460 intelektual, manakala kita telah menguburkan 46,000 intelektual. Orang memaki kita ialah diktator, ialah Qin Shi Huang, kita mengakuinya kerana itu bertepatan dengan kenyataan. Sayang sekali, yang kamu semua cakap itu masih tidak cukup, masih perlu kami tambahkan.” [2]

Mari kita melihat kembali kesengsaraan yang dialami China selama 55 tahun di bawah kekuasaan PKC, melihat setelah merebut kekuasaan, bagaimana PKC menggunakan sistem dan mekanisme pemerintahan dan juga teori pertarungan kelas untuk menghapuskan sesuatu kelas, dan dengan falsafah revolusi kekerasan menjalankan pemerintahan dengan menggunakan ketakutan. Taktik “membunuh orang” dan “mencuci otak” digunakan untuk menindas segala kepercayaan di luar lingkungan Parti Komunis. Setelah itu melancarkan satu gerakan yang menggambarkan Parti Komunis sebagai “Kesempurnaan dan Tuhan”. Berdasarkan falsafah pertarungan antara kelas dan revolusi kekerasan, Parti Komunis berusaha menghapuskan kelas demi kelas, membunuh orang-orang yang tidak sefahaman dan pada masa yang sama, menggunakan kekerasan dan taktik untuk memaksa seluruh rakyat China menjadi abdi yang patuh terhadap peraturan kezalimannya.

#### Reformasi Tanah (Land Reform) – Menghapuskan Kelas Tuan Tanah

Baru tiga bulan berkuasa, Parti Komunis lantas mengadakan reformasi tanah secara menyeluruh di seluruh negara, dengan menggunakan slogan “tanah untuk pengusaha” telah membangkitkan sifat kepentingan diri golongan petani yang tidak memiliki tanah sawah, mendorong mereka untuk merampas secara kekerasan dan tanpa memperlihatkan impak moral yang daripada tindakan mereka, bahkan juga menghasut golongan petani yang tidak mempunyai tanah untuk menyerang petani yang

memiliki tanah pertanian. Dasar untuk reformasi ini dengan jelasnya menyebut untuk “menghapuskan kelas tuan tanah”, dan mengklasifikasikan populasi penduduk di daerah desa ke dalam kelas sosial yang berbeza. Lebih daripada 20 juta penduduk desa di seluruh China dilabelkan sebagai “tuan tanah, petani kaya, reaksionist atau elemen buruk”, menyebabkan mereka telah menjadi kelas terendah “orang-orang buangan” yang menghadapi diskriminasi, penghinaan dan kehilangan hak-hak sosial mereka dalam masyarakat China. Seiringan dengan itu, kempen Reformasi Tanah ini meluas sehingga sampai ke daerah terpencil dan ke pedesaan suku minoriti, pada masa yang sama organisasi Parti Komunis juga menyebar dengan pesat, berkembang sehingga jawatankuasa parti berserta cabangnya juga mula wujud di seluruh pelosok China. Cabang-cabang tempatan mematuhi perintah dan arahan-arahan daripada Jawatankuasa Pusat PKC. Mereka biasanya bertindak sebagai garis paling depan dalam pertarungan antara kelas, menghasut petani untuk menentang golongan tuan tanah, menyebabkan hampir 100,000 orang tuan tanah terbunuh dalam gerakan ini. Di beberapa daerah tertentu, PKC dan petani membunuh tuan tanah dan seluruh keluarganya sekali, tidak melepaskan walaupun kaum wanita dan kanak-kanak, sebagai langkah untuk memusnahkan secara menyeluruh kelas tuan tanah.

Pada masa itu, PKC mulai melancarkan gelombang propaganda pertamanya, yang mendeklarasikan “Pengerusi Mao ialah penyelamat rakyat” dan “Hanya PKC yang dapat menyelamatkan China.” Semasa reformasi ini, petani yang tidak mempunyai tanah mendapatkan apa yang diinginkan mereka dengan polisi merampas PKC, tidak kurang juga petani miskin yang memuji PKC telah mengubah kehidupan mereka dan lantas menerima propaganda PKC, “PKC adalah demi rakyat”.

Bagi petani yang baru memperoleh tanah pertanian, hari baik “tanah untuk pengusaha” itu tidaklah bertahan lama. Tidak sampai dua tahun, PKC mulai mengadakan berbagai gerakan yang dipaksa ke atas golongan petani seperti membentuk kelompok-kelompok kolektif, koperasi asas, koperasi maju dan komun rakyat. Dengan menggunakan kritikan “wanita berkaki kecil”, iaitu ditujukan kepada sesiapa yang lambat langkahnya, PKC mulai memandu dan menolak, tahun berganti tahun, petani hendak “lari meluru” ke dalam masyarakat sosialis. Dengan menggunakan kaedah yang disatukan bagi proses pembelian dan penjualan beras, kapas dan minyak masak di seluruh negeri, hasil-hasil pertanian utama dilarang masuk ke pasar perdagangan. Tambahan lagi, PKC melaksanakan suatu sistem pendaftaran penduduk, tidak mengizinkan kaum petani pergi ke kota untuk menetap atau bekerja di sana. Orang yang mempunyai status penduduk desa tidak boleh membeli beras di toko beras negara, dan anak-anak mereka dilarang menerima pendidikan di kota. Anak petani hanya boleh menjadi petani, lantaran mengubah 360 juta penduduk desa di awal tahun 1950-an menjadi warganegara kelas kedua.

Permulaan tahun 1978, dicadangkan bahawa “biarkan sebahagian orang kaya dahulu”, tetapi hanya pada lima tahun pertama setelah berpindah daripada sistem kolektif kepada sistem rumahtangga kontrak, pendapatan petani mengalami sedikit kenaikan dan status sosial mereka lebih baik sedikit. Namun, keuntungan kecil ini segera hilang disebabkan gejala rasuah dalam sistem pedesaan dan akibat daripada ketidakseimbangan antara komoditi hasil pertanian dan perindustrian. Akibatnya, 900 juta petani pada ketika ini sekali lagi terjebak ke dalam kancang kemiskinan. Jurang pendapatan antara penduduk kota dengan desa meningkat drastik dan terus melebar. Tuan tanah baru dan petani kaya muncul sekali lagi untuk menggantikan mereka yang telah dihapuskan dalam Reformasi Tanah. Menurut data yang diberikan oleh agen berita Xinhua, alat propaganda PKC, menunjukkan bahawa sejak tahun 1997, “pendapatan petani di daerah pengeluaran beras utama dan kebanyakan rumahtangga di pedesaan tetap terhenti dan berkurang.” Dengan kata lain, pendapatan pertanian tidak bertambah, tetapi sudah berkurang. Kadar jurang pendapatan penduduk kota dengan desa mengalami kenaikan daripada 1.8 : 1 di pertengahan 1980-an menjadi 3.1 : 1 pada masa sekarang ini.

## **Pembaharuan dalam Perindustrian dan Perdagangan– Menghapuskan Kelas Kapitalis**

Kelas kapitalis iaitu kelompok borgoise yang menguasai modal di kota-kota besar dan kecil, juga tidak luput menghadapi kehancuran semasa pemerintahan PKC. Ketika mereformasi perindustrian dan perdagangan, PKC mengatakan bahawa kelas kapitalis dan kelas pekerja pada dasarnya tidak sama; yang satu ialah kelas pemeras, dan yang satu lagi ialah kelas bukan pemeras atau anti-pemeras. Berdasarkan logik ini, kelas kapitalis memang dilahirkan untuk memeras dan tidak akan dapat berhenti sehingga mereka dihapuskan; hanya boleh dihapuskan, tidak boleh direformasi. Atas dasar pemahaman ini, PKC menggunakan cara membunuh dan mencuci otak untuk mengubah kaum kapitalis dan pedagang. Kaum kapitalis akan terselamat jika mereka menuruti pemerintah, tetapi akan binasa jika mereka mengingkarinya. Jika kamu menyerahkan semua aset kepada negara dan menyokong PKC, maka akan dianggap sebagai konflik dalaman dalam masyarakat. Akan tetapi jika sebaliknya, kamu tidak setuju atau merungut akan tindakan PKC, kamu akan dianggap sebagai reaksionis dan menjadi mangsa kediktatoran PKC.

Keganasan yang dilakukan PKC semasa reformasi ini, membuat kaum kapitalis, pemilik perniagaan, ahli pedagang menyerahkan seluruh asetnya. Banyak antara mereka yang tidak dapat menghadapi penghinaan ini lalu membunuh diri. Chen Yi, Datuk Bandar Shanghai pada waktu itu, setiap hari akan bertanya sedemikian, “Berapa banyakkah pasukan terjun payung yang kita dapat hari ini?” yang maksudnya berapa jumlah kaum kapitalis yang membunuh diri dengan melompat daripada bangunan tinggi setiap hari. Dengan demikian PKC dengan cepat memusnahkan pemilikan swasta di China.

Ketika melancarkan kempen Reformasi Tanah dan Pembaharuan Perdagangan, PKC menggerakkan banyak massa untuk melakukan penganiayaan terhadap rakyat China. Gerakan ini termasuk: penindasan terhadap “anti-revolusi”, kempen cuci otak dengan ideologi komunis, pembersihan kelompok anti-PKC yang dipimpin oleh Gao Gang dan Rao Shushi, serta menyiasat kelompok anti-revolusi Hu Feng [3] , “Kempen Tiga Anti” dan “Kempen Lima Anti” dan beberapa gerakan penganiayaan raksasa yang lain ke seluruh negara.

Dengan memiliki penguasaan penuh terhadap sumber-sumber dan mekanisme pemerintahan, PKC menggunakan secara maksima bersama dengan jawatankuasa parti, cabang dan sub-cabang dalam setiap gerakan politiknya. Tiga anggota parti membentuk sebuah pasukan perjuangan kecil yang mendalam ke seluruh perkampungan dan tetangga. Pasukan perjuangan ini ada di mana-mana sahaja, dan tiada hal yang tidak terkecuali. Jaringan penguasaan yang berurat akar ini dipanggil strategi “cabang parti dibina pada angkatannya”, merupakan peninggalan daripada perperangan dahulu, yang kemudiannya memainkan peranan penting sebagai kunci utama dalam siri gerakan politik, dan juga penindasan yang terjadi di masyarakat pada hari ini.

## **Penindasan terhadap Agama dan Kumpulan Kepercayaan**

Kekejaman lain yang dilakukan oleh PKC termasuklah memberikan tekanan keras terhadap kelompok-kelompok agama pelbagai aliran kepercayaan, persatuan-persatuan dan organisasi-organisasi di kalangan rakyat semenjak penubuhan Republik Rakyat China. Pada tahun 1950, PKC memerintahkan setiap pemerintahan daerah setempat untuk membanteras semua aliran kepercayaan yang tidak diakuinya dan organisasi-organisasi lain yang dianggap tidak sah. Dituduhkan bahawa organisasi-organisasi “feudal” tersebut merupakan alat yang dimanipulasi oleh tuan tanah, petani kaya, reaksionis dan agen pengintip KMT. Dalam melancarkan kempennya yang melibatkan seluruh lapisan masyarakat, PKC menggerakkan kelas yang dianggap boleh dipergunakan mereka untuk mengenal pasti dan menganiayai anggota kelompok agama dan organisasi tersebut. Pemerintahan di pelbagai peringkat terlibat secara langsung dalam membubarkan organisasi yang dilabelkan sebagai “tahyul” seperti komuniti agama Kristian, Katholik, Tao (khususnya aliran Yi Guan Dao, atau I-Kuan Tao) dan Buddha. Mereka menyuruh semua anggota gereja, kuil dan kelompok serta persatuan lain

untuk mendaftarkan diri kepada agensi pemerintahan, mengaku telah berbuat salah dan akan “bertaubat” atas aktiviti mereka yang tidak rasmi. Jika tidak, maka akan menerima hukuman yang berat. Pada tahun 1951, PKC secara rasmi mengumumkan peraturan, yang mengancam barang sesiapa yang meneruskan aktiviti-aktiviti dalam organisasi yang tidak diakui pemerintah akan dihukum penjara seumur hidup atau hukuman mati.

Gerakan ini telah memberi pukulan hebat dan telah menganiaya sejumlah besar rakyat yang percaya dan taat kepada Tuhan. Berdasarkan statistik tidak lengkap, populasi penganut Kristian sudah pun mencapai 1 juta pada ketika itu, dan pada tahun 1950 PKC telah menindas, dan juga membunuh lebih daripada tiga juta penganut daripada pelbagai kepercayaan dan ahli kelompok-kelompok yang dianggap tidak sah. PKC juga melakukan pemeriksaan dan menyalah siasat di hampir setiap rumah tangga di seluruh negeri, bahkan patung Dewa Dapur yang secara tradisional disembah oleh petani China pun dihancurkan. Ini adalah untuk memastikan hanya ideologi komunis yang merupakan satu-satunya ideologi dan kepercayaan yang diakui sah. Sejak daripada itu “penganut patriotik” segera diwujudkan. “Perlombagaan negara” hanya melindungi penganut patriotik. Sebenarnya tidak kira rakyat mempercayai apa-apa agama pun, standardnya hanyalah satu: harus patuh sepenuhnya kepada peraturan pemerintah dan mengakui bahawa PKC terletak di atas segala-gala agama dan kepercayaan. Jika anda menganuti agama Kristian, maka PKC adalah merupakan Tuhan kepada Tuhan. Jika anda seorang Buddhis, PKC ialah Master Buddha kepada Master Buddha. Bercakap tentang muslim pula, PKC ialah Allah kepada Allah. Berbicara tentang Buddha Hidup (Living Buddha) dalam agama Buddha Tibet, PKC lah yang akan menentukan orangnya. Pendek kata, garis dasarnya ialah PKC tidak memberi anda pilihan, selain berkata dan mengerjakan apa yang disuruh oleh PKC. Penganut-penganut dipaksa menganut atas nama agama sahaja tetapi melaksanakan perintah parti, jika tidak demikian, akan menjadi sasaran penindasan dan kediktatoran.

Berdasarkan laporan dalam majalah online “Kemanusiaan dan Hak Asasi Manusia”, sejumlah 20,000 penganut Kristian telah menjalankan soal siasat pada 560,000 penganut yang berada di rumah-rumah (house church) di 207 kota di 22 daerah. Hasil siasatan ialah antara 130,000 jemaah gereja berada dalam pengawasan PKC. Sebelumnya tahun 1957, PKC telah membunuh lebih daripada 11,000 penganut agama, dan yang lain mengalami pemberkasan secara sewenang-wenang serta dipersekusi.

Dengan menghapuskan kelas tuan tanah, kelas kapitalis, menyeksa sejumlah besar penganut-penganut dan rakyat yang taat terhadap hukum peaturan, PKC telah menjadikan komunisme sebagai satu-satunya kepercayaan yang tunggal di bawah pengusaannya.

### **Gerakan Anti Sayap Kanan – Pencucian Otak Nasional**

Pada tahun 1956, sekumpulan intelektual Hongaria membentuk Lingkungan Petofi (Petofi Circle) untuk mengkritik pemerintahan Hongaria, dan mereka aktif mangambil bahagian dalam pelbagai forum dan perdebatan. Kumpulan ini seterusnya mencetuskan gerakan revolusi nasional Hongaria, yang akhirnya ditumpaskan oleh tentera Soviet. Mao Zedong segera mengambil pengajaran daripada peristiwa ini. Pada tahun 1957, Mao mengajak golongan intelektual China dan kelompok bukan komunis untuk “membantu PKC menyusun semula dan membendung gejala yang tidak baik.” Gerakan ini terkenal dengan slogan “Gerakan Ratusan Bunga” yang merupakan kata pendek daripada slogan “Biarkan beratusan bunga bermekaran dan seratus aliran bersaing suara.” Tujuannya adalah menipu keluar “elemen-elemen anti-komunis” dalam masyarakat. Dalam suratnya kepada pemimpin-pemimpin parti daerah pada tahun 1957, Mao Zedong mengutarakan maksudnya “mengumpulkan ular keluar daripada lubangnya” dengan berpura-pura memberikan mereka kebebasan menyuarakan pandangan mereka bagi membantu Parti Komunis memperbaiki diri.

Slogan-slogan pada masa itu sangat mendorong masyarakat untuk bersuara secara terbuka, “ tidak akan memcarai kesalahan, tidak akan menyerang, tidak akan menempatkan label negatif, tidak akan membala dendam setelah itu”. Namun pada akhirnya PKC melancarkan gerakan “Anti Sayap Kanan”, menyatakan 540,000 orang yang berani bersuara secara terbuka sebagai “sayap kanan.” Antaranya 270,000 orang kehilangan jawatan di pemerintahan awam dan 230,000 digolongkan sebagai “sayap kanan sederhana” atau “elemen anti-sosialis.” Taktik yang digunakan Mao Zedong untuk memperdaya orang dikatakan mempunyai empat cara : (1) mengumpam ular keluar daripada lubangnya (mengelabui mereka yang berbeza pendapat untuk berbicara), (2) mengumpulkan bukti kesalahan, menyerang mendadak, menghukum orang dengan satu kesalahan (3) Di depan umum berkata menyelamatkan orang, padahalnya menyerang orang tanpa belas kasihan, (4) memaksa orang mengkritik diri sendiri, dan melabelkan orang dengan kekerasan.

Lalu apakah “kata-kata dan komen reaksionis” yang menyebabkan begitu banyak anasir-anasir sayap kanan dan anti-komunis menjadi orang buangan selama 30 tahun di daerah-daerah pinggiran yang miskin? Pada ketika itu, terdapat tiga pokok teori anti-revolusi yang menjadi sasaran serangan, secara umum dan intensif, dibuat berdasarkan ceramah daripada Luo Longji, Zhang Bojun dan Chu Anping. Dilihat secara cermat tujuan dan saranan mereka sebenarnya adalah baik dan lembut.

Luo menyarankan agar membentuk suatu suruhanjaya gabungan antara PKC dengan parti-parti yang “demokrasi” untuk menjalankan penyiasatan terhadap gejala penyimpangan dalam “Kempen Tiga Anti”, “Kempen Lima Anti”, dan gerakan anti-reaksionis. Dewan Negara seringkali memberikan sesuatu kepada Jawatankuasa Penasihat Politik dan Anggota Kongres untuk perhatian dan komen dan Zhang menyarankan agar Jawatankuasa Penasihat Politik dan Anggota Kongres harus diberi tempat dalam membuat keputusan. Sedangkan Chu pula berpendapat bahawa seseorang itu yang bukan anggota PKC, tetapi mempunyai idea-idea cemerlang, menjunjung tinggi martabat dan mempunyai rasa tanggungjawab terhadap negara, maka tidak perlu menjadi anggota PKC untuk mengetuai setiap unit kerja, sama besar atau kecil, bahkan kumpulan-kumpulan yang berada di bawah unit kerja tersebut; juga tidak perlu semua perkara, baik besar ataupun kecil harus dikerjakan bersesuaian dengan cadangan anggota PKC. Ketiga-tiga pendapat tersebut menggambarkan kesediaan mereka untuk mengikuti PKC dan tidak satu pun pendapat mereka melampaui garis batas, seperti ungkapan daripada seorang pengkritik terkenal Lu Xun [4] , “Tuanku, jubah Tuan telah kotor. Mohon ditanggalkan dan hamba akan mencucikannya untuk Tuan.” Seperti Lu Xun, perkataan yang dikeluarkan mereka sepenuhnya menggambarkan kepatuhan, ketundukan dan penghormatan.

Tidak satu pun pendapat mereka yang digolongkan sebagai “sayap kanan” mengatakan PKC harus digulingkan, semuanya ialah kritikan dan cadangan yang membina. Namun dengan kritikan dan cadangan inilah, menyebabkan puluhan ribu orang kehilangan kebebasan. Selanjutnya beberapa gerakan tambahan telah dibuat oleh PKC seperti “menceritakan rahsia peribadi kepada PKC”, menggali keluar kumpulan yang tidak bertolak-ansur, gerakan “Tiga Anti Baru”, menghantar golongan intelektual ke kawasan pedalaman untuk kerja-kerja paksa, dan menangkap golongan sayap kanan yang terlepas di pusingan pertama. Sesiapa pun yang tidak sefahaman dengan pemimpin, khususnya setiausaha parti, akan dilabelkan sebagai anti-PKC . Akibatnya mereka akan menjadi sasaran kritikan berbulan-bulan atau mereka akan dihantar ke kem kerja paksa untuk menerima “pendidikan semula”, kadang kala parti memindahkan seluruh keluarga mereka ke daerah desa, atau melarang anak-anak mereka bersekolah di universiti atau menyertai angkatan bersenjata. Mereka juga tidak boleh mencari pekerjaan di kota. Seluruh keluarga akan kehilangan jaminan pekerjaan dan kepentingan kesihatan umum. Mereka telah dimasukkan ke dalam barisan petani dan menjadi orang buangan antara warganegara kelas kedua.

Setelah itu, sebahagian intelektual telah memiliki dua keperibadian bagaikan rumput di atas tembok, bergerak mengikuti angin. Mereka mengikuti rapat “Matahari Merah” dan menjadi “intelektual-intelektual yang mengikuti perintah”, mengerjakan atau mengatakan apa-apa pun yang diminta PKC.

Yang lainnya menjauhkan diri dari hal-hal yang berkaitan dengan politik. Intelektual-intelektual China yang mempunyai rasa tanggungjawab terhadap negara, menjadi diam tidak bersuara semenjak daripada itu.

### **Langkah Jauh ke Hadapan (Great Leap Movement)–Reka Kepalsuan untuk Menguji Kesetiaan**

Selepas Gerakan Anti Sayap Kanan, China mulai takut kepada kebenaran. Setiap orang terlibat dalam mendengar perkara palsu, bercakap perkara palsu, membuat perkara palsu, menghindari kebenaran dan memutar-belitkan kebenaran dengan perilaku palsu dengan cerita dan khabar angin palsu. Langkah Jauh ke Hadapan adalah merupakan suatu letusan dalam mereka kebohongan secara kolektif dan berskalaan seluruh negara. Seluruh masyarakat yang di bawah arahan roh jahat PKC, telah melakukan banyak perkara yang tidak masuk akal langsung. Antara yang berbohong dengan yang dibohongi semuanya saling mengkhianati. Dalam kebohongan dan kebodohan ini, PKC dengan paksa menanamkan sifat kejamnya dan tenaga jahatnya ke dalam aspek rohaniah dan fikiran golongan intelektual. Ketika itu, orang-orang menyanyikan lagu yang mempropagandakan Langkah Jauh ke Hadapan, “Saya ialah Maharaja Jed, saya ialah Raja Naga, saya dapat memindahkan gunung dan sungai, saya telah datang.” [5] Polisi dan rancangan tidak rasional seperti “meningkatkan pengeluaran beras mencecah 75,000 kg per hektar”, “melipatgandakan pengeluaran besi keluli”, dan “mengatasi British dalam 10 tahun dan Amerika Syarikat dalam 15 tahun” digembar-gemburkan setiap tahunnya, tanpa sedar-sedar, sehingga bencana kelaparan besar melanda China, rakyat yang mati kelaparan berserakan di mana-mana.

Dalam pertemuan Lushan pada tahun 1959, siapakah di antara yang hadir dalam mesyuarat yang tidak sependapat dengan Jeneral Peng Dehuai [6] yang Langkah Jauh ke Hadapan yang diutarakan oleh Mao Zedong adalah tidak masuk akal? Namun bagaimanapun juga tidak ada seorang pun berani bersuara. Keputusan untuk sama ada menyokong Mao atau tidak, menandai garis antara “seorang yang setia” dengan “pengkhianat”, dan juga, garis batas antara hidup dengan mati. Dalam sejarah kuno, waktu Zhao Gao [7] mengatakan seekor rusa ialah kuda, sebenarnya dia tahu benar perbezaan rusa dan kuda, dia hanya sengaja bermaksud untuk menguji dan mengawal pandangan masyarakat dan berklompot untuk merebut kuasa, membiarkan masyarakat menurutinya tanpa persoalan. Hasil daripada pertemuan Lushan ialah Peng Dehuai dipaksa untuk menandatangani suatu kenyataan bersalah dan mengundurkan diri daripada pemerintahan pusat. Perkara yang sama juga berlaku pada akhir tahun-tahun Revolusi Kebudayaan, semasa Deng Xiaoping dipaksa untuk memberikan jaminan bahawa dia tidak akan membuat rayuan terhadap keputusan PKC untuk menyingsirkannya daripada kedudukannya.

Masyarakat manusia umumnya bergantung kepada pengalaman yang sedia ada untuk memahami dunia iri dan memperluas pemikirannya, namun PKC menyekat orang daripada mengetahui pengalaman dan pengajaran daripada masyarakat tersebut. Tambahan pula, PKC mensensor dan menyekat berita dalam media, merampas peluang masyarakat untuk membezakan yang benar dan yang salah. Generasi baru tidak tahu langsung dengan pengalaman dan pemikiran mereka yang telah melewati gerakan pada masa lalu, dan hanya bergantung kepada serpihan-serpihan ingatan lampau untuk menganalisa dan membuat keputusan pada perkara yang berlaku sekarang, sendirinya berfikir tidak akan silap, tetapi hakikatnya telah menyimpang jauh daripada perkara sebenar. Polisi PKC untuk memperbodoh-bodohkan masyarakat inilah yang membuatkannya tetap berkuasa.

### **Revolusi Kebudayaan – Menterbalikkan Dunia**

Bercakap tentang kezaliman tidak boleh tidak menyebut Revolusi Kebudayaan. Pada tahun 1966, suatu gelombang taufan kekerasan menyapu di China, keganasan merah yang tidak terkawal

menggemparkan pergunungan dan aliran sungai. Penulis Qin Mu menggambarkan Revolusi Kebudayaan sedemikian :

“Ini benar-benar suatu malapetaka yang tiada taranya. Berapa juta orang yang bahkan duduk pun sulit, berapa jutaan orang yang membawa perasaan dendam sampai mati, berapa jutaan rumah tangga yang tercerai-berai, berapa orang anak-anak telah menjadi gengster jahat, berapa banyak buku-buku dibakar, berapa banyak peninggalan kuno dirobohkan, berapa banyak makam intelektual kuno dihancurkan, berapa banyak dosa kejahatan dilakukan atas nama revolusi.”

Menurut anggaran konservatif pakar-pakar, jumlah orang yang meninggal secara tidak normal semasa dalam Revolusi Kebudayaan mencapai jumlah 7.73 juta jiwa.

Orang ramai sering mempunyai salah tanggapan dan pengertian terhadap keganasan dan pembunuhan secara besar-besaran semasa dalam Revolusi Kebudayaan, menganggap bahawa semua ini terjadi kerana keadaan sistem pemerintahan kerajaan tidak berfungsi akibat pemberontakan, dan pembunuhan-pembunuhan ialah “Pengawal Merah” dan “kelompok pemberontak”. Walau bagaimanapun, ribuan laporan rasmi tahunan pemerintahan China menunjukkan fakta bahawa puncak bagi kematian tidak normal tidak berlaku semasa pemberontakan Pengawal Merah dan juga kegagalan sistem pemerintahan pada akhir tahun 1966, ataupun pada tahun 1967 ketika pertempuran antara kelompok pemberontak yang berlainan dengan senjata, tetapi hakikatnya terjadi pada tahun 1968, ketika Mao berjaya mengembalikan kekuasaannya ke seluruh negara dengan penubuhan “Jawatan Revolusi Pelbagai Peringkat”. Pembunuhan kebanyakannya adalah petugas pentadbiran angkatan tentera, pasukan militan dan anggota kader pelbagai peringkat PKC.

Contoh-contoh di bawah berikut menggambarkan kezaliman yang terjadi semasa Revolusi Kebudayaan bukanlah merupakan tindakan meluru Pengawal Merah ataupun kelompok pemberontak, tetapi sebenarnya adalah merupakan suatu polisi yang diputuskan oleh PKC dan pemerintah setempat. Arahan dan penglibatan langsung dalam kezaliman tersebut oleh pemimpin PKC dan organisasi berkuasa di pelbagai peringkat dalam Revolusi Kebudayaan telah disembunyikan daripada pengetahuan umum.

Pada Ogos 1996, Pengawal Merah dengan alasan “menghantar balik penduduk ke tempat asalnya”, memaksa dan menghalau penduduk Beijing yang dimasukkan ke dalam golongan “tuan tanah, petani kaya, reaksionis, elemen-elemen buruk, dan sayap kanan” dalam gerakan politik lalu, untuk berpindah daripada Beijing ke daerah pedesaan. Berdasarkan statistik rasmi yang tidak lengkap menunjukkan 33,695 rumah digeledah dan 85,196 penduduk Beijing diusir keluar daripada kota untuk kembali ke tempat asal keturunan mereka. “Angin taufan” ini bertiup ke seluruh negara, Pengawal Merah di seluruh negeri melaksanakan perintah ini, mengusir lebih daripada 400,000 penduduk kota ke pedesaan. Bahkan orang tua bagi pegawai tinggi PKC yang memiliki tanah juga tidak terlak daripada diusir keluar.

Sebenarnya, PKC telah merancangkan kempen pengusiran ini sebelum Revolusi Kebudayaan bermula. Datuk Bandar Beijing, Peng Zhen pernah mengatakan bahawa hendak menulenkan ideologi penduduk kota Beijing setulen “panel kaca dan kristal”, yang bermaksud mengusir semua penduduk yang berlatarbelakangkan “elemen buruk” keluar daripada Beijing. Pada bulan Mei 1966, Mao mengeluarkan perintah untuk “melindungi ibukota” dan membentuk sebuah pasukan kerja yang diketuai oleh Ye Jianying, Yang Chengwu dan Xie Fuzhi. Salah satu daripada tugas pasukan ini adalah menggunakan polis untuk mengusir keluar penduduk Beijing yang memiliki “elemen buruk”.

Ini menerangkan mengapa tindakan Pengawal Merah menggeledah rumah-rumah dan mengusir lebih daripada 2% penduduk Beijing tidak dihalang PKC, dan sebaliknya mendapat sokongan padu daripada Jabatan Keselamatan Umum. Menteri Keselamatan Umum pada masa itu, Xie Fuzhi,

meminta pegawai keselamatan dan polis agar untuk tidak menghalang Pengawal Merah, tetapi sebaliknya memberikan bantuan nasihat dan maklumat kepada mereka. Pengawal Merah hanya diperalatkan oleh PKC. Pada akhir tahun 1966, Pengawal Merah ini juga ditinggalkan oleh PKC, sebahagian besar anggotanya dilabelkan sebagai ahli kontra revolusi dan dipenjarakan, sebahagian lagi dihantar ke kawasan luar bandar, bersama dengan rombongan pemuda bandar yang lain, untuk kerja-kerja buruh dan pendidikan semula bagi mengubah pemikiran mereka. Organisasi “Pengawal Merah Kota Barat” yang bertanggungjawab terhadap operasi pengusiran penduduk adalah didirikan di bawah “penjagaan penuh” pemimpin PKC, juga, pengumuman kesalahan tersebut dikeluarkan oleh setiausaha agung Dewan Negara pada ketika itu.

Berikutnya dengan tindakan Beijing menyingkirkan penduduk yang diklasifikasikan sebagai musuh kelas ke daerah pedesaan, lalu di daerah pedesaan dimulakan sekali lagi penindasan terhadap mereka. Pada 26 Ogos 1966, satu perintah diturunkan daripada Xie Fuzhi kepada Biro Keselamatan Daxing dalam suatu mesyuarat kerja. Xie mengarahkan pihak polis untuk membantu gerakan Pengawal Merah dengan memberikan maklumat dan nasihat dalam tindakan menggeledah rumah-rumah yang penghuninya dikategorikan dalam “lima kelas hitam” (tuan tanah, petani kaya, reaksionis, elemen buruk, sayap kanan). Pembunuhan Beramai-ramai Daxing [8] yang dahsyat dilakukan di bawah arahan terus daripada Biro Keselamatan Daerah; perancangnya ialah pengarah, ahli jawatan kuasa dan setiausaha PKC, dan kebanyakannya pembunuhanya adalah daripada kalangan militant yang bahkan tidak melepaskan anak-anak.

Banyak di antara mereka yang diterima masuk ke dalam PKC atas “perilaku baiknya” semasa melakukan pembunuhan. Menurut statistik tidak lengkap, di daerah Daxing sahaja, sekitar 50,000 anggota PKC terlibat dalam pembunuhan beramai-ramai. Lebih daripada 9,000 antaranya diterima masuk ke dalam PKC dalam masa singkat setelah membunuh seseorang, lebih daripada 20,000 orang yang melakukan pembunuhan setelah masuk parti, dan lebih daripada 19,000 anggota parti yang lain dihubung-kaitkan dengan pembunuhan.

Semasa Revolusi Kebudayaan, teori kelas juga diperkenalkan untuk tindakan “memukul dan menyerang orang”. “Orang jahat padan dipukul orang baik; orang jahat memukul orang jahat suatu kebanggaan; orang baik memukul orang baik suatu salah faham.” Kata-kata Mao sedemikian tersebar luas ketika waktunya pemberontakan. Dengan mengatakan tindakan kekerasan yang dilakukan terhadap musuh-musuh kelas adalah “padan dan setimpal” dengan mereka, maka keganasan dan pembunuhan beramai-ramai merebak dan bermaharajalela daripada itu.

Dari 13 Ogos hingga 7 Oktober 1967, pasukan tentera di bahagian Dao, daerah Hunan membunuh banyak anggota organisasi “Angin dan Petir Xiangjiang” dan “lima kelas hitam.” Pembunuhan ini berlangsung selama 66 hari; lebih daripada 4,519 orang terbunuh, meliputi 2,778 rumahtangga daripada 468 divisi pentadbiran kampung daripada 36 komun dalam 10 daerah. Jumlah keseluruhan 9,093 orang dibunuh di 10 daerah tersebut, antaranya “lima kelas hitam” meliputi 38%, dan 44% yang lain merupakan anak-anak “lima kelas hitam.” Mangsa terkorban yang paling tua ialah 78 tahun dan yang paling muda hanya berusia 10 hari. Ini hanyalah salah satu kes yang terjadi di suatu kawasan semasa Revolusi Kebudayaan. Di Mongolia dalam, setelah pembentukan “Jawatankuasa Revolusi” pada awal tahun 1968, suatu gerakan penghapusan kelas yang membersihkan “orang dalam” parti telah membunuh lebih daripada 350,000 orang. Pada tahun 1968, puluhan ribu orang di daerah Guangxi mangambil bahagian dalam pembunuhan beramai-ramai terhadap organisasi puak pemberontak “Insiden 22 April”, mengorbankan 110,000 jiwa.

Dengan ini menunjukkan bahawa tindakan utama dalam pembunuhan semasa Revolusi Kebudayaan adalah seluruhnya di bawah penghasutan dan arahan terus daripada pemimpin PKC yang menggunakan dan membenarkan kekerasan untuk menindas dan membunuh rakyat. Yang mengarah

dan melaksanakan tindakan pembunuhan ini kebanyakannya ialah pasukan militer, polis, tentera dan kader parti.

Jika mengatakan bahawa dalam Reformasi Tanah, PKC memperalatkan kaum petani untuk menjatuhkan tuan tanah untuk memperoleh tanah, pada masa Pembaharuan Perindustrian dan Perdagangan, merampas harta benda dengan memperalatkan kelas pekerja untuk menjatuhkan kapitalis, dan dalam Gerakan Anti Sayap Kanan adalah untuk menutup mulut golongan intelektual, namun dalam Revolusi Kebudayaan ialah orang ramai saling bertarung, tanpa bergantung kepada mana-mana kelas, bahkan seandainya anda kelas buruh atau petani yang dipakai oleh parti, jika pandangan anda berlainan dengan parti, maka boleh dibunuh dengan begitu sahaja. Jadi pada akhirnya, untuk apakah semuanya ini?

Tujuan hakikatnya adalah untuk menjadikan komunisme sebagai satu-satunya kekuasaan yang mengawal kesemua aspek dalam kehidupan, tidak hanya mengawal penuh kekuasaan pemerintahan, akan tetapi juga fikiran setiap orang. Revolusi Kebudayaan menyebabkan gerakan “memuja dan mengagung-agungkan” PKC dan Mao Zedong memuncak ke peringkat klimaks. Teori Mao digunakan untuk mendominasikan segala bidang dan pandangan, meletakkan fikiran seorang Mao ke dalam fikiran puluhan juta orang. Yang unik dalam Revolusi Kebudayaan adalah tidak menjelaskan apa yang tidak boleh dikerjakan, tetapi sebaliknya menegaskan “Apa yang boleh dikerjakan dan bagaimana mengerjakannya. Semua benda di luar batasan ini tidak boleh dilakukan bahkan difikirkan.”

Semasa Revolusi Kebudayaan, semua rakyat dikehendaki untuk melaksanakan hal-hal pemujaan ritual seperti “mendapatkan perintah di pagi hari dan membuat laporan pada malam hari kepada Parti.” Setiap hari mengirim salam hormat kepada Pengerusi Mao beberapa kali, “mendoakannya” berumur panjang, melakukan doa sembayang politik dua kali sehari waktu pagi dan malam. Hampir setiap orang tahu menulis dan membaca pernah menulis kenyataan mengkritik diri sendiri dan juga membuat laporan pemikiran. Petikan daripada kenyataan Mao sering digunakan seperti berikut; “berperang dengan buas melawan setiap fikiran yang mementingkan diri sendiri” dan “melaksanakan perintah sama ada memahaminya atau tidak ; memahami secara lebih mendalam lagi dalam proses pelaksanaan” seringkali digunakan secara berulangan. Hanya satu “tuhan” (Mao) yang boleh disembah ; hanya ada satu kitab (ajaran Mao) yang boleh dipelajari. Sejurus setelah itu berlakunya keadaan yang orang ramai tidak dapat membeli makanan di kantin jika mereka tidak mengungkapkan perkataan Mao atau memberikan kata-kata salam kepada Mao. Ketika membeli barang, menaiki bus, bahkan menelefon pun diharuskan mengungkapkan salah satu perkataan Mao, meskipun tidak ada kena-mengena langsung. Dalam melakukan hal ini, rakyat menjadi fanatik atau ghairah, ataupun sudah kaku, dan setiap orang sudah di bawah penguasaan roh jahat komunis. Mereka kebohongan, bertoleransi dengan kebohongan dan bergantung kepada kebohongan telah menjadi cara hidup rakyat China.

## **Reformasi Ekonomi – Kezaliman Tidak Pernah Berubah**

Revolusi Kebudayaan merupakan era yang penuh dengan pertumpahan darah, pembunuhan, penganiayaan, kesedihan, kehilangan waras, yang benar dengan yang salah diterbalikkan. Selepas Revolusi Kebudayaan, kepemimpinan PKC sering menukar panji-panjinya, PKC dan pemerintahannya telah menukar enam pemimpin dalam waktu 20 tahun. Pemilik swasta kembali lagi ke China, jurang perbezaan taraf hidup di desa dengan di kota semakin bertambah, padang-padang pasir semakin bertambah banyak, banyak aliran sungai kering dan lenyap, kes-kes penyalahgunaan dadah dan pelacuran semakin meningkat. Segala “kejahatan” yang pernah diusulkan oleh PKC untuk dihapuskan, kini didukung kembali oleh PKC.

Kekejaman, kelicikan, penipuan, kejahatan dan kemampuan untuk menjahanamkan negara oleh PKC semakin meningkat. Ketika terjadinya pembunuhan beramai-ramai di Tiananmen pada tahun 1989, komunis menggerakkan tentera-tentera dan tank-tank untuk menembak mati golongan mahasiswa yang berdemonstrasi di Lapangan Tiananmen. Penindasan yang keji terhadap golongan praktisi Falun Gong bahkan lebih teruk. Bulan Oktober tahun 2000, untuk mengambil tanah daripada petani, pemerintahan kota Yulin, daerah Shaanxi mengerahkan 1,600 orang polis anti-rusuhan untuk menembak dan menangkap lebih daripada 50 orang petani. Kekuasaan politik pemerintahan China masih lagi berdasarkan falsafah komunis yang melakukan pemujaan terhadap pertarungan dan keganasan. Yang berbeza hanyalah menjadi semakin memperdaya.

**Penggubahan undang-undang:** Disebabkan PKC tidak pernah berhenti dalam menghasilkan pertentangan dalam masyarakat, telah menindas dan melabelkan sejumlah besar rakyat sebagai anasir-anasir anti-revolusi (reaksionis), anti-sosialis, unsur-unsur buruk, dan agama sesat. Sifat dasar totalitarien PKC menghasilkan konflik yang tajam tanpa henti dengan pelbagai organisasi-organisasi masyarakat. Dengan alasan untuk “memulihara peraturan dan menjaga kestabilan sosial”, PKC menggubah perlumbagaan, undang-undang dan peraturan, dan menindas sesiapa saja yang tidak setuju dengan PKC dan digolongkan sebagai “reaksionis”.

Pada bulan Julai 1999, Jiang Zemin telah membuat keputusan sendiri yang bertentangan dengan keinginan kebanyakan ahli politburo parti yang lain; untuk melenyapkan Falun Gong dalam masa tiga bulan. Fitnah dan kebohongan sekali lagi kembali menyelimuti negara dalam sekelip mata. Setelah wawancara Jiang Zemin dengan sebuah media Perancis “La Figaro” yang mengumumkan Falun Gong sebagai “ajaran sesat”, alat-alat media rasmi China turut mengikuti dengan cepat menerbitkan artikel yang memberi tekanan kepada pelbagai pihak, juga memaksa Kongres Rakyat untuk mencapai suatu “keputusan” yang sembarang untuk menangani agama sesat; sejurus setelah itu Mahkamah Tertinggi dan Pendakwahraya Tertinggi turut bersama-sama mengeluarkan suatu “penjelasan” tentang “keputusan” itu.

Pada 22 Julai 1999, Agensi Berita Xinhua menyiaran ceramah oleh pimpinan daripada Jabatan Organisasi dan Jabatan Propaganda PKC yang secara terbuka menyokong penindasan Jiang terhadap Falun Gong, berikutnya menyebabkan khalayak ramai ikut terseret ke dalam penganiayaan kerana keputusan sudah dibuat oleh pemimpin pusat parti, mereka hanya boleh menyokong dan melaksanakannya, tanpa berani mengutarakan bantahan.

Dalam lima tahun yang lalu, pemerintahan PKC telah menggunakan 1/4 daripada sumber kewangan negara untuk menindas Falun Gong. Setiap orang di negara itu diharuskan untuk melalui ujian: sesiapa saja yang mengaku berlatih Falun Gong dan membantah untuk melepaskan kepercayaan tersebut akan dipecat daripada jawatannya, juga dihukum untuk mengikuti kerja paksa. Praktisi-praktisi Falun Gong ini tidak melanggar apa-apa undang-undang sama sekali, juga tidak mengkhianati negara dan menentang kerajaan; hanya kerana mereka percaya pada “Sejati, Baik, Sabar”, itu pun puluhan ribu orang dipenjarakan. Meskipun berita itu ditutup rapat, tetapi melalui pengesahan daripada keluarga mereka didapati bahawa bilangan yang dianiaya sampai mati sudah lebih daripada 1,100 orang, jumlah yang belum diketahui adalah lebih banyak.

**Laporan berita :** Pada 15 Oktober 2004, suratkhabar Wenweipao di Hongkong memberitakan bahawa satelit China ke-20 telah kembali ke bumi, telah jatuh dan menghancurkan rumah Huo Jiuyi di perkampungan Penglai, daerah Sichuan, Wilayah Dayin. Berita ini memetik kenyataan Ai Yuqing, Pengarah Pejabat Pemerintahan Wilayah Dayin yang berkata bahawa “bongkahan hitam” tersebut dipastikan sebagai satelit yang jatuh. Ai sendiri juga merupakan Timbalan Pengarah kepada projek pengembalian satelit ke bumi itu. Namun, laman web Xinhua hanya melaporkan waktu kembalinya satelit ini, dan menekankan bahawa ini merupakan proses pengembalian satelit percubaan eksperimen saintifik dan teknikal ke-20 daripada China, kenyataan bahawa satelit telah menghancurkan rumah

warga sama sekali tidak dilapurkan. Hanya melapurkan berita baik dan tidak melaporkan berita buruk yang seumpama ini merupakan cara biasa yang dipakai media massa China untuk menulis berita berdasarkan arahan daripada parti.

Pembohongan dan fitnahan yang diutarakan oleh surat-surat khabar dan ditayangkan di televisyen telah banyak membantu perlaksanaan polisi PKC dalam gerakan-gerakan politik masa lalu. Di bawah perintah parti, semua media massa dalam negeri terus melaksanakannya dengan segera. Apabila parti ingin memulakan gerakan anti sayap kanan, maka seluruh media dalam negeri sebulat suara melaporkan kejahatan-kejahatan sayap kanan. Ketika parti ingin membentuk suatu komun masyarakat, seluruh negara terus memuji kebaikan dan keunggulan komun tersebut. Sewaktu bulan pertama penindasan terhadap Falun Gong, seluruh media dikerahkan untuk menfitnah Falun Gong secara berulang-ulang semasa waktu penyiaran utama untuk mencuci otak masyarakat. Sejak saat itu, Jiang menggunakan seluruh media massa untuk mereka dan menyebarkan kebohongan dan fitnahan terhadap Falun Gong secara berterusan, membangkitkan kebencian masyarakat terhadap Falun Gong dengan menyiarkan berita-berita palsu tentang peristiwa “pembunuhan” dan “bunuh diri” praktisi Falun Gong yang direka-reka untuk menganiaya Falun Gong. Dalam pada itu, penyiaran insiden “bakar diri di Lapangan Tiananmen” yang dilakon-lakon, dikritik oleh Pembangunan Pendidikan Antarabangsa PBB di Geneva sebagai sandiwara yang diarahkan kerajaan untuk menipu masyarakat. Dalam masa lima tahun lalu, tidak ada satu suratkhabar atau stesen televisyen di China pun yang memberitakan perkara yang sebenar terhadap Falun Gong.

Masyarakat China sudah biasa dengan laporan berita-berita palsu. Seorang pemberita senior suratkhabar Xinhua sendiri pun berkata, “Bagaimakah anda boleh percaya dengan laporan Xinhua?”. Di kalangan rakyat bahkan mengatakan agensi berita China sebagai seekor anjing milik parti komunis. Ada sebuah lagu dendangan rakyat berbunyi: “Itu ialah anjing yang dipelihara oleh parti, menjaga pintu parti, akan menggigit sesiapa saja yang diinginkan parti, dan menggigit seberapa banyak yang dikehendaki parti.”

**Pendidikan :** Di China, pendidikan menjadi alat lain yang dimanfaatkan untuk mengawal masyarakat. Tujuan sebenarnya pendidikan adalah untuk melahirkan golongan intelektual atau cendekiawan yang memiliki kedua-dua “ilmu pengetahuan” dan “pengadilan” yang benar. “Ilmu pengetahuan” merujuk pada pemahaman terhadap maklumat, data, dan kebudayaan tradisional serta isu semasa; manakala “pengadilan” pula bermaksudkan proses pertimbangan terhadap ilmu-ilmu bagi menganalisa, mengkaji, mengkritik, dan menghasilkan ilmu semula iaitu suatu proses perkembangan rohaniah. Mereka yang memiliki ilmu pengetahuan tanpa pengadilan benar dan pertimbangan wajar adalah ulat buku, dan bukannya cendekiawan yang berhati nurani dan berkesedaran masyarakat yang sebenar. Ini adalah sebab mengapa dalam sejarah China menjunjungi golongan intelektual yang dapat membuat pengadilan wajar dan bukannya golongan yang berilmu semata-mata. Namun di bawah pemerintahan komunis, terdapat banyak sekali cendekiawan China yang berpengetahuan tetapi tanpa pengadilan wajar atau berpengetahuan tetapi tidak berani mengemukakan pendapat mereka.

Pengajaran pendidikan di sekolah-sekolah juga difokuskan kepada pelajar-pelajar agar mereka tidak melakukan hal-hal yang dilarang oleh parti. Dalam tahun-tahun kebelakangan ini, sekolah-sekolah mulai mengajarkan mata pelajaran politik dan sejarah PKC dengan penyeragaman buku teks. Guru-guru tidak mempercayai sesetengah isi kandungan dalam buku teks, namun demikian disebabkan soal “disiplin”, terpaksa berbohong dan mengajarkannya di luar kehendak mereka. Pelajar juga tidak mempercayai isi kandungan buku teks mahupun guru mereka, namun terpaksa juga menghafalkannya supaya lulus dalam ujian. Akhir-akhir ini, dalam peperiksaan akhir sekolah tinggi dan universiti, dan juga ujian kemasukan ke sekolah tinggi dan universiti munculnya soalan-soalan yang mengkritik tentang Falun Gong, pelajar yang tidak dapat menghafalkan jawapan yang standard tidak akan memperoleh markah tinggi dan memasuki sekolah yang baik. Sekiranya anak-anak bercakap benar, maka akan dibuang sekolah dengan segera, dan kelayakan untuk melanjutkan pelajaran dibatalkan.

Dalam lingkungan pendidikan masyarakat pula, disebabkan pengaruh suratkhabar dan dokumen kerajaan, banyak sekali frasa percakapan yang dikenali ramai, seperti petikan daripada Mao berbunyi “Kita menyokong apa-apa saja yang ditolak oleh musuh, dan menolak apa-apa yang disokong oleh musuh”, dijadikan sebagai “kebenaran”, ini telah meracuni hati manusia, secara perlahan-lahan menghakis dan menghancurkan moral masyarakat yang menitikberatkan keharmonian dan kedamaian. Pada tahun 2004, Pusat Maklumat China menganalisis hasil daripada suatu kajian penyelidikan yang dilakukan oleh China Sina Net dengan statistik menunjukkan bahawa 82.6% remaja China yang bersetuju bahawa seseorang boleh menyeka kaum wanita, kanak-kanak dan tawanan semasa peperangan. Keputusan ini amat memeranjatkan, tetapi hal ini telah menunjukkan masyarakat China, khususnya kaum pemuda, yang telah kehilangan pengertian yang paling dasar dan minima terhadap kebudayaan tradisional, kemuliaan dan peri kemanusiaan.

Pada 11 September 2004, seorang penjahat di kota Suzhou telah menyerang 28 anak-anak secara membabi buta dengan pisau. 20 September, seorang penjahat di daerah Shandong telah melukai 25 pelajar-pelajar sekolah rendah dengan pisau. Juga, beberapa guru sekolah rendah memaksa murid-muridnya untuk membuat mercun dengan tangan untuk mengumpul dana bagi sekolah, yang mengakibatkan suatu kejadian sehingga menyebabkan kecederaan.

**Implementasi polisi :** Pimpinan PKC sering menggunakan taktik ancaman dan paksaan untuk melaksanakan polisi mereka. Salah satu taktik yang dipakai ialah slogan politik. Selama ini, jumlah slogan yang ditampal digunakan oleh PKC sebagai standard penilaian terhadap seseorang atas sumbangan politik mereka. Semasa dalam Revolusi Kebudayaan, Beijing menjadi “lautan merah” yang penuh dengan sepanduk-sepanduk slogan dalam satu malam. Sepanduk bertuliskan “Jatuhkan pemerintah parti yang mengambil jalan kapitalisme” ada di mana-mana sahaja. Sesampainya di daerah pedesaan, ironisnya, sudah disingkatkan menjadi “Jatuhkan pemerintah”.

Akhir-akhir ini, untuk mempromosikan Undang-undang Perhutanan, Biro Pehutanan Negeri dan kesemua stesenanya serta pejabat perlindungan perhutanan secara tegas mengarahkan agar sejumlah slogan dipasang. Tidak mencapai kuota yang ditentukan, maka akan dianggap tidak menyempurnakan tugas. Akibatnya, unit pemerintahan setempat menampalkan bilangan slogan yang banyak sekali, seperti “Siapa bakar bukit, siapa masuk penjara.” Dalam gerakan perancangan jumlah kelahiran setahun kebelakangan ini, bahkan ada slogan yang lebih mengerikan, seperti, “Seorang terlebih lahir anak, seluruh kampung akan dimandulkan.”, “Lebih baik menambahkan satu kubur daripada menambahkan seorang bayi”, dan “Yang patut mandul tak mandul, rumah akan dirobohkan; yang patut gugur tak gugur, sawah dan kerbau akan disitakan”. Bahkan ada slogan yang mencabuli undang-undang dan hak asasi manusia seperti, “Tak bayar cukai hari ini, esok tidur di penjara”.

Pada dasarnya slogan-slogan ini ialah suatu taktik penyebaran, mempunyai kesan lebih terus dan berulang. Oleh sebab itu, hal ini sering dipakai oleh PKC untuk menyatakan arah tuju politik, kemahuan dan kepercayaannya. Slogan politik juga boleh dilihat sebagai perkataan pemerintah yang ditujukan kepada rakyatnya. Daripada slogan-slogan politik yang mempromosikan polisi-polisi politik tersebut, tidaklah sulit untuk melihat ada membawa unsur-unsur kecenderungan bagi kekerasan dan nafas kekejaman.

### **Mencuci Otak Seluruh Rakyat dan Menggantinya dengan Sebuah “Penjara Fikiran”**

Senjata paling berkesan yang digunakan PKC untuk mempertahankan pemerintahan kezalimannya adalah dengan sistem jaringan pengawalan secara ketat. Dengan cara organisasi yang rapi, PKC mengenakan secara paksa mentaliti kepatuhan dan keturutan ke atas seluruh rakyatnya. Tidak kira PKC bercanggahan dengan sendirinya ataupun bertukar-tukar polisi secara berkala, selagi itulah PKC

dengan cara organisasi hendak memeras dan mencabuli hak perseorangan sebagai insan yang dikurniakan sejak dilahirkan. Sesungut pemerintahan PKC ada di mana-mana saja. Tidak kira di bandar ataupun di desa, rakyat diperintah dan dikawal oleh suatu jawatankuasa jalanan ataupun desa. Sehingga berkahwin atau bercerai, dan melahirkan anak, semuanya memerlukan persetujuan daripada jawatankuasa-jawatankuasa ini. Ideologi parti, cara berfikir, organisasi, struktur sosial, mekanisme propaganda dan sistem pentadbiran hanya berkhidmat untuk tujuan kediktatorannya. Parti mahu dengan melalui sistem pemerintahannya, mengawal setiap pemikiran dan kelakuan setiap individu.

Kekejaman dan kezaliman pengawalan PKC tidak hanya terbatas kepada penyepraan fizikal saja, tetapi juga dalam bentuk membuat masyarakat kehilangan kemampuan berfikir secara bebas dan berdikari, ataupun, meskipun mempunyai pendapat yang tersendiri tetapi takut untuk bersuara, menjadi penakut yang mahu melindungi dirinya. Tujuan pemerintahan PKC adalah untuk mencuci otak warganya, dan membentuk sifat dan cara berfikir mereka seperti PKC, serta melakukan apa yang disuruh PKC.

Ada suatu kenyataan yang mengatakan bahawa, “Polisi parti bagaikan bulan, berubah setiap 15 hari.” Tetapi tidak kira betapa sering PKC mengubah polisinya, seluruh masyarakat harus rapat mengikutinya. Apabila anda diperalatkan sebagai kekuatan yang disandarkan untuk menindas orang lain, anda harus berterima kasih kepada parti kerana menghargai kekuatan anda; ketika anda ditindas, anda harus berterima kasih kepada PKC kerana “memberikan anda suatu pengajaran”; apabila anda tahu penindasan terhadap anda adalah salah dan parti hendak memulihkan reputasi anda, maka anda hendak berterima kasih sekali lagi kepada parti kerana “bermurah hati, bersifat terbuka dan bersedia mengakui kesalahannya dan memperbaikinya”. Kitaran penindasan dan diikuti dengan pemulihan yang berlanjutan inilah yang membuat kezaliman PKC dapat dilaksanakan.

Setelah kezaliman berjalan selama 55 tahun, PKC benar-benar telah memenjarakan pemikiran masyarakat dan, menahan fikiran mereka dalam lingkungan yang diizinkan oleh PKC. Seseorang yang berfikir di luar lingkungan fikiran PKC dianggap sebagai melakukan jenayah. Setelah melalui pelbagai gerakan dan pertarungan, kebodohan dipuji sebagai kepintaran; sifat pengecut adalah merupakan jalan untuk bertahan hidup. Dalam kehidupan moden dengan internet dijadikan sebagai aliran utama pertukaran maklumat, PKC bahkan menuntut masyarakat untuk mendisiplinkan diri dan tidak membaca berita-berita daripada luar atau memasuki ke laman wab yang mengandungi perkataan seperti “hak asasi” dan “demokrasi.”

Pergerakan PKC untuk mencuci otak masyarakatnya adalah begitu tidak munasabah, begitu tidak masuk akal, begitu kejam, begitu hina sekali dan ada di mana-mana sahaja. PKC telah memutarbelitkan nilai moral dan prinsip-prinsip kehidupan masyarakat China dan benar-benar telah merombak sepenuh standard perlakuan dan gaya hidup masyarakat, dan secara berterusan melenyapkan bentuk fizikal dan mental bagi mengukuhkan kedudukannya sebagai satu-satunya “agama” yang mutlak kekuasaannya.

## Kesimpulan

Berdasarkan fakta-fakta yang diuraikan di atas, mengapa PKC hendak bertarung dan membunuh tanpa habis-habisan bagi terus mempertahankan kekuasaannya? Mengapa PKC percaya bahawa selagi hidup, selagi itulah hendak bertarung? Untuk mencapai matlamatnya, PKC tidak ragu-ragu untuk melakukan pembunuhan atau memusnahkan ekosistem, bahkan PKC juga membiarkan majoriti kaum petani dan penduduk bandar hidup dalam kancang kemiskinan.

Apakah ini adalah demi keazaman ideologi komunis? Jawapannya, tidak sama sekali. Salah satu prinsip parti komunis adalah menghapuskan sistem pemilikan peribadi, kerana menganggap bahawa

itulah punca kepada segala kejahatan. Komunisme yang pada peringkat permulaan bagi merampas kekuasaan juga pernah hendak menghapuskan sistem pemilikan peribadi secara total. Bagaimanapun, setelah reformasi ekonomi pada tahun 1980-an, pemilikan peribadi diizinkan kembali di China dan dilindungi oleh undang-undang. Selama 55 tahun berkuasa, PKC hanya mengarahkan sebuah drama yang membuat pengagihan semula harta-benda, yang akhirnya menjadikan aset orang lain masuk ke dalam poket sendiri sahaja. PKC bahkan menyebut dirinya sebagai “perintis kepada kelas pekerja”, dan tugasnya adalah untuk melenyapkan kelas kapitalis. Namun sekarang perlumbagaan parti bagi PKC menetapkan dengan jelasnya mengizinkan kapitalis untuk memasuki parti. Tiada seorang pun anggota PKC yang percaya lagi pada parti dan komunisme. Apa yang parti komunis ada hanyalah tinggal kulit luar semata-mata, dan isinya sudah tidak wujud lagi.

Apakah gerakan pertarungan berpanjangan selama ini yang dilakukan adalah untuk memelihara sistem PKC bersih daripada amalan rasuah? Tidak. Setelah 55 tahun PKC berkuasa, amalan rasuah berleluasa daripada kader peringkat atasan hingga ke peringkat bawahan, juga fenomena penggelapan, perbuatan jenayah yang melanggar undang-undang, dan perbuatan-perbuatan yang merosakkan bangsa dan masyarakat terus bermaharajrela. Pada tahun-tahun belakangan ini, antara sekitar 20 juta anggota PKC, 8 juta daripadanya telah dihukum kerana terlibat dalam jenayah rasuah. Setiap tahun, sebanyak 1 juta orang membuat aduan dan menyuarakan bantahan terhadap pegawai-pegawai parti rasuah yang belum disiasat. Sejak Januari hingga September 2004, Biro Penukaran Wang Asing China telah menjalankan penyiasatan ke atas kes-kes penukaran asing yang tidak sah di 35 bank dan 41 perusahaan, dan mendapat transaksi yang tidak sah sebanyak US\$120 juta. Berdasarkan statistik pada tahun belakangan ini, menunjukkan bahawa terdapat banyak pegawai kader yang telah menggelapkan dan mencuri dana negara lalu melarikan diri ke luar negeri dengan jumlahnya mencapai ratusan juta US dollar.

Adakah gerakan pertentangan yang dilakukan ini bertujuan juga untuk meningkatkan mutu pendidikan dan kesedaran masyarakat untuk membuat masyarakat lebih prihatin dan mengambil berat terhadap isu yang berlaku di negaranya? Jawapannya juga tentulah tidak. Keadaan di China sekarang, pengejaran meterialistik menjadi semakin ghairah dan masyarakat telah luput akan nilai-nilai tradisional, kebaikan dan kejujuran. Telah menjadi hal yang biasa bagi orang untuk menipu rakannya bahkan teman terdekat pun. Kepada banyak isu penting seperti hak asasi manusia atau penindasan terhadap Falun Gong, banyaknya sudah tidak lagi prihatin atau enggan untuk bersuara terhadap hal-hal ini. Menyimpan pemikiran sendiri dan memilih untuk tidak menyuarakan kebenaran telah menjadi kemahiran untuk bertahan hidup yang asas di China. Sementara itu, PKC telah berulang kali mengapi-apikan sentimen nasionalisme masyarakat untuk mengambil kesempatan terhadap perkara tertentu. Sebagai contoh, PKC boleh mengaturkan sekumpulan orang untuk melemparkan batu di kedutaan Amerika Syarikat dan membakar bendera Amerika Syarikat. Masyarakat China telah diperlakukan sebagai “massa yang patuh” atau “perusuh yang ganas”, namun tidak pernah dijanjikan hak asasi kepada penduduknya. Prinsip moral bagi Confucius dan Mencius, selama ribuan tahun, telah menetapkan standard moral dan prinsip kehidupan masyarakat. “Jika semua prinsip ini diabaikan, maka masyarakat tidak akan ada hukum untuk diikuti dan tidak dapat membezakan mana yang baik dan mana yang jahat. Mereka akan kehilangan tujuan mereka...Tao akan dihancurkan.” [9]

Falsafah pertarungan PKC adalah untuk menghasilkan kekacauan besar yang berlanjutan, yang seterusnya membuat PKC semakin kuat dan menjadi satu-satunya parti yang berkuasa di China, menggunakan ideologi parti untuk mengawal masyarakat China. Institusi pemerintahan, militer, dan media berita semuanya merupakan alat yang digunakan PKC untuk melaksanakan kediktatorannya. PKC telah membawa penyakit yang tidak dapat disembuhkan di China, dirinya sudah sampai ke pinggir kemasuhan, dan keruntuhannya sudah tidak terelak lagi.

Sebilangan orang khuatir bahawa negara akan menjadi kacau-bilau dengan keruntuhan PKC, khuatir dengan persoalan siapa yang akan menggantikan peranan PKC untuk memerintah China? Dalam

melewati 5,000 tahun sejarah China, pemerintahan PKC yang hanya 55 tahun saja bagaikan awan yang berlalu dengan cepat. Malangnya, dalam waktu yang singkat itu, PKC telah menghancurkan sepenuhnya kepercayaan dan nilai-nilai tradisional; menceraikan konsep etika dan struktur sosial yang sedia ada sebelumnya; memutar-belitkan keprihatinan dan cinta antara manusia menjadi pertarungan dan kebencian; menggantikan penghormatan pada syurga dan bumi alam semula jadi menjadi kesombongan “manusia menakluki alam.” Dengan kemasuhan sistem sosial, moral dan ekologi, membuat China terperosok ke dalam krisis yang amat mendalam lagi parah.

Dalam sejarah China, setiap pemimpin baik yang lalu menjadikan sikap prihatin, melindungi dan mendidik masyarakatnya sebagai tugas dan tanggungjawab pemerintah. Manusia mempunyai potensi dan kecenderungan untuk menginginkan kebaikan, dan adalah menjadi peranan dan tanggungjawab pemerintah bagi merealisasikan potensi rakyatnya ini. Mencius berkata, “Ini adalah merupakan jalan benar bagi orang ramai; seseorang dengan fikiran yang lurus akan memiliki hati yang tulus, sebaliknya tanpa fikiran lurus tidak akan memiliki hati yang tulus.” [10] Adalah tidak munasabah untuk mendidik tanpa menjaga dan melindungi; pemimpin yang tidak memiliki keprihatinan terhadap masyarakatnya dan membunuh yang tidak bersalah dilihat sebagai kezaliman oleh masyarakat China.

Dalam sejarah 5000 tahun di China, telah banyak muncul pemimpin yang baik dan mulia, seperti Maharaja Yao dan Maharaja Shun pada zaman kuno, Maharaja Wen dan Maharaja Wu pada Dinasti Zhou, Maharaja Wen dan Maharaja Jing pada Dinasti Han, Maharaja Tang Taizong pada Dinasti Tang, dan Maharaja Kangxi dan Maharaja Qianlong pada Dinasti Qing. Kemakmuran dan kegemilangan pada masa dinasti-dinasti tersebut merupakan hasil daripada pemerintahan yang memegang prinsip dan mengamal pada maha Tao, mengikuti doktrinnya, dan berjuang demi keamanan, kestabilan dan keharmonian. Ciri-ciri daripada pemimpin mulia adalah memanfaatkan dan menggunakan orang-orang yang berakhhlak mulia dan berkeupayaan, bersikap terbuka terhadap pendapat yang berbeza, menegakkan keadilan dan keamanan, dan memberikan masyarakat keperluannya. Dengan cara ini, penduduk akan mematuhi undang-undang dan mengekalkan ketertiban, hidup bahagia dan bekerja dengan cekap.

Mengamati perkembangan peristiwa dunia, kita seringkali bertanyakan siapa yang menentukan sama ada suatu negara akan makmur ataupun hancur, sesungguhnya kita mengetahui bahawa kebangkitan dan kejatuhan suatu bangsa ada sebabnya yang tersendiri. Apabila PKC tidak lagi wujud, kita dapat menjangkakan bahawa keamanan dan keharmonian akan kembali ke China. Masyarakatnya juga akan kembali menjadi baik, jujur, rendah hati dan bersikap toleransi, dan negara akan kembali memprioritaskan keperluan-keperluan masyarakatnya, dan semua profession akan terus makmur dan maju.

#### **Nota:**

[1] Daripada “Catatan Tahunan Makanan dan Komoditi” dalam *Sejarah Pra Dinasti Han (Han Shu)*

[2] Qian Bocheng, Budaya Ketimuran, edisi ke-4, 2000.

[3] Gao Gang dan Rao Shushi, kedua-duanya ialah anggota Jawatankuasa Pusat. Setelah gagal dalam perebutan kuasa pada 1954, mereka dituduh berkomplot untuk memecah-belahkan parti dan kemudian diusir daripada parti. Hu Feng, sarjana dan pengritik sasterawan, membantah polisi PKC bagi mensterilkan sastera. Dia diusir daripada PKC pada 1955 dan dihukum penjara 14 tahun. Dari tahun 1951 hingga 1952, PKC memulakan gerakan “Kempen Tiga-Anti” dan “kempen Lima-Anti”, dengan tujuan kononnya membanteras rasuah, pembaziran dan birokrasi dalam parti, kerajaan, ketenteraan dan organisasi besar lain.

[4] Lu Xun atau Lu Shun (25 September 1881- 19 Oktober 1936) umumnya dianggap sebagai pengasas bagi sastera Cina moden yang bercirikan vernakular (Baihua, dalam sebutan cina, ataupun maksudnya, penggunaan bahasa biasa). Dia juga merupakan ahli penterjemah yang terkenal. Sebagai penulis yang bersayapkan kiri, Lu memainkan peranan penting dalam sejarah perkembangan sastera Cina. Karya-karya dan buku-bukunya banyak mempengaruhi golongan muda China. Selepas kembali daripada pelajaran perubatan dari Sendai, Jepun pada 1909, dia menjadi seorang pensyarah di Universiti Peking dan memulakan kerja-kerja penulisannya.

[5] Kedua-dua Maharaja Jed dan Raja Naga adalah merupakan watak dongeng China. Maharaja Jed biasanya dipanggil umum sebagai “Tok Langit” (makna diterjemahkan terus), dan dianggap sebagai dewa yang memerintah alam kayangan dalam Daoisme. Manakala Raja Naga pula merupakan pemerintah agung di empat lautan berlainan, yang setiap satu lautannya berdasarkan arah mata angin utama. Raja Naga tinggal di dalam istana kristal, dan dilindungi oleh Tentera Udang dan Jeneral Ketam. Selain memerintah hidupan akuatik, Raja Naga juga dapat memanipulasikan awan dan hujan. Raja Naga Lautan Timur dikatakan mempunyai kawasan yang terbesar.

[6] Peng Dehuai (1898-1974): jeneral komunis China dan pemimpin politik. Peng dulunya ialah ketua komander dalam perang Korea, Timbalan Perdana Menteri Dewan Negara, ahli Politbiro, dan Menteri Pertahanan 1954-1959. Dia disingkirkan daripada kedudukannya selepas tidak menyetujui pendekatan sayap kiri Mao pada PKC mesyuarat agung Lushan pada 1959.

[7] Zhao Gao (tangga lahir tidak diketahui, meninggal 210 Sebelum Masehi) : Kepala sida-sida semasa Dinasti Qin. Pada 210 Sebelum Masehi, selepas kematian Maharaja Qin Shi Huang, Zhao Gao, Perdana Menteri Li Si dan anak kedua Maharaja Hu Hai mula menjalankan wasiat dua keinginan Maharaja, iaitu mengangkat Hu Hai sebagai maharaja baru dan memerintahkan Puteri pewaris takhta Fu Su untuk membunuh diri. Setelah itu, konflik berlaku antara Zhao Gao dan Hu Hai. Zhao membawa seekor rusa ke istana dan mengatakan bahawa itu ialah seekor kuda. Hanya sedikit daripada para pegawai istana setia yang berani berkata bahawa itu ialah seekor rusa. Zhao Gao beranggapan bahawa para pegawai ini menentang terhadapnya dan menyingkirkan mereka daripada pemerintahan.

[8] Pembunuhan beramai-ramai Daxing berlaku pada Ogos 1966 ketika pergantian pemimpin dan peralihan kuasa parti di Beijing. Ketika itu, suatu ceramah dibuat oleh Menteri Keselamatan Umum, Xie Fuzhi, dalam satu pertemuan dengan Biro Keselamatan Umum Beijing, menyeru supaya tidak adanya campur tangan kepada aksi gerakan Pasukan Merah menentang “lima kelas hitam.” Siaran ceramah itu segera mendapat respon dengan suatu pertemuan di Biro Keselamatan Umum Daxing diadakan. Setelah pertemuan, Biro Keselamatan Umum Daxing segera mengambil tindakan dan membentuk suatu rancangan untuk menghasut massa di wilayah Daxing untuk membunuh “lima kelas hitam.”

[9] Daripada Kang Youwei, “Koleksi Penulisan Politik” 1981. Zhonghua Zhuju dan Kang Youwei merupakan tokoh pemikir perubahan yang penting pada akhir Qing.

[10] Daripada Mencius.